

20/08/1997

BPR masih siasat kes Perwaja

PETALING JAYA, Selasa - Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap isu penyelewengan Perwaja Terengganu Sdn Bhd (Perwaja) masih diteruskan, terutama di peringkat antarabangsa yang dianggap paling penting dalam keseluruhan aspek penyiasatan.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahaya, berkata penyiasatan kes Perwaja sudah menunjukkan perkembangan, tetapi ia masih bergantung kepada hasil siasatan di peringkat antarabangsa.

"Sudah ada perkembangan, tetapi ia masih bergantung kepada penyiasatan kita di peringkat antarabangsa. Siasatan di peringkat antarabangsa paling penting dan kita sedang melakukannya.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh mengumumkan dengan lebih lanjut mengenai siasatan itu," katanya ketika ditemui di Persidangan Meja Bulat Bagi Membangun dan Mengukuhkan Sistem Integriti Kebangsaan, di sini hari ini.

Persidangan sehari anjuran Institut Pengurusan Malaysia (MIM) dan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) itu dirasmikan oleh bekas Ketua Pengarah BPR, Tan Sri Prof Harun Hashim.

Shafee berkata, setakat ini pihaknya sudah mengesan beberapa petunjuk terhadap penemuan terbaru kes itu.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut.

Akhir Jun lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan kepada media siasatan BPR ke atas penyelewengan Perwaja mengambil masa bukan kerana kerajaan ingin melindungi kes itu, tetapi disebabkan kurangnya kerjasama, terutama dari negara luar.

Sambil mengakui kritikan orang ramai kerana kes itu mengambil masa panjang, Anwar menjelaskan BPR perlu mendapatkan maklumat dari negara luar bagi melengkapkan siasatan dan keadaan itu memberi kesan terhadap prosedur siasatan.

Bagaimanapun, Anwar memberi jaminan siasatan BPR terhadap Perwaja diteruskan, malah agensi itu diarahkan berusaha mengumpul bukti secepat mungkin.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan BPR dan polis meneruskan siasatan terhadap Perwaja dan bekas Pengarah Urusannya, Tan Sri Eric Chia berhubung kerugian syarikat berkenaan yang berjumlah kira-kira RM2.9 bilion.

Isu Perwaja itu muncul selepas syarikat audit, Coopers and Lybrand mengeluarkan laporan mengenai ketidakupayaan syarikat pengeluar besi keluli itu membayar hutang.

Perwaja menanggung RM10 bilion beban hutang dan kerugian, membabitkan tanggungan semasa berjumlah RM926 juta, tanggungan jangka panjang RM6.013 bilion, manakala kerugian terkumpul RM2.985 bilion.

(END)